

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat kurikulum tersembunyi yang terdapat di sekolah, iaitu respon pelajar terhadap perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi semasa mengajar mata pelajaran di bilik darjah. Kurikulum tersembunyi secara umumnya ialah perkara-perkara yang dipelajari secara tidak formal tetapi atau secara tidak sengaja terdapat dalam kurikulum sekolah.

Kurikulum tersembunyi boleh dirujuk kepada mana-mana konteks persekolahan termasuklah unit interaksi pelajar - guru, struktur bilik darjah, keseluruhan corak/patent pendidikan sebagai microcosm dalam sistem nilai sosial. Kurikulum tersembunyi dalam kajian ini ialah tentang perlakuan guru. Perlakuan yang dimaksudkan ialah gerak geri guru semasa mengajar, perawakan / personaliti, cara guru bertutur, respon guru kepada pelajar, jangkauan guru serta cara guru menghormati / menghargai pelajar.

Sampel seramai dua puluh orang terdiri dari pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah dalam daerah Raub, Pahang Darul Makmur. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah pemerhatian dan Temubual Berstruktur. Pemerhatian dibuat terhadap sepuluh orang guru semasa mengajar mata pelajaran di bilik darjah. Pemerhatian dan temubual berstruktur digunakan untuk mendapatkan respon pelajar terhadap perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi. Jawapan temubual ini ditranskripsikan dan dianalisis secara deskriptif berdasarkan kepada tiga soalan kajian.

Hasil kajian ini menunjukkan terdapat kurikulum tersembunyi di sekolah dengan menyenaraikan lima puluh lima jenis perlakuan guru sebagai kurikulum tersembunyi. Kajian ini juga menunjukkan terdapat respon yang positif dan negatif serta mempengaruhi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini mencadangkan agar para guru mendalami kurikulum tersembunyi. Guru disarankan agar menghasilkan komunikasi yang berkesan dalam pengajaran bagi membantu pelajar membentuk konsep sendiri positif dan bermotivasi.

ABSTRACT

“TEACHERS’ BEHAVIOUR AS HIDDEN CURRICULUM IN CLASSROOM: A CASE STUDY”

This research is to look for the hidden curriculum, which is inculcate in schools, that is the students respond towards teacher’s behaviour while teaching in classroom. In general, these are the things which are learnt informally without realising that it has something to do with the school curriculum.

The hidden curriculum can be referred to any school context including the interaction unit between students and teachers, classroom structure, the overall patent of education as microcosm in the social value system. The hidden curriculum in this research is about teacher’s behaviour. The behaviour that is meant here are the teacher’s movement while teaching in class, personality, the way the teacher speaks, teacher’s respond towards the students, teachers expectation and the way teachers respect or appreciate students.

Samples comprise of twenty forms four students at a school in the district of Raub, Pahang Darul Makmur. The methods that are used in this research are observation and structural interviews. Observation and interview are used to get student’s respond towards teacher’s behaviour, which result the hidden curriculum. The answers of the interviews were transcript and analysed descriptively based on three research questions.

The results of this research show that there is the hidden curriculum in school that is being listed as many as fifty-five teacher’s behaviour. This research also showed the positive and negative responds, which influenced students in the process of teaching and learning.

This research proposed teachers to learn more about the hidden curriculum. Teachers are advised to produce good communication skills in the classroom to help student in building themselves and motivation.